


## NASKAH PENTAKSIR SET 1

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.



Influenza merupakan penyakit yang disebabkan oleh virus influenza yang menjangkiti salur pernafasan. Penyakit ini boleh menyebabkan gejala jangkitan yang ringan mahupun serius. Virus influenza merebak daripada seorang individu yang dijangkiti kepada seorang individu yang lain melalui titisan salur pernafasan apabila bercakap, batuk atau bersin. Titisan ini boleh mencemari permukaan dan menyebabkan jangkitan kepada individu yang menyentuh permukaan tersebut. Wabak yang disebabkan oleh virus influenza bermusim hanya menyebabkan demam selesema yang ringan kepada orang biasa tetapi boleh menyebabkan jangkitan yang teruk kepada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga tua, wanita mengandung, pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, lelah dan lain-lain. Komplikasi akibat jangkitan influenza teruk yang dialami oleh golongan berisiko tinggi ini juga berpotensi untuk menyebabkan kematian.

**NASKHAH PENTAKSIR**  
**SET 1**

**SOALAN**

1. Apakah definisi influenza?
2. Apakah risiko wabak yang disebabkan virus influenza bermusim?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh setiap individu untuk mengelakkan daripada dijangkiti virus?
4. Nyatakan peranan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit bawaan virus.

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh setiap individu untuk mengelakkan daripada dijangkiti virus ialah:
  - memakai pelitup muka
  - menggunakan pensanitasi tangan
  - mengamalkan penjarakan sosial
4. Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit bawaan virus ialah:
  - menghebahkan maklumat mengenai penyakit tersebut di pelbagai platform media-media sosial.
  - menganjurkan kempen mengenai penyakit berjangkit
  - memperbanyak program jangkau luar (outreach) di kawasan-kawasan luar bandar untuk memberi maklumat mengenai penyakit bawaan virus.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 2

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### AKTIVITI MENDAKI



Malaysia terdapat banyak gunung dan bukit yang menyediakan beraneka bentuk cabaran untuk diterokai oleh golongan yang gemar akan aktiviti lasak. Meskipun dahulunya dianggap aktiviti yang lasak dan tidak sesuai untuk golongan kanak-kanak dan warga emas, persepsi itu kian berubah. Malahan, ibu bapa semakin terbuka untuk menggalakkan anak-anak mereka menyertai **aktiviti mendaki** yang mungkin sebelum ini dilihat sebagai kegiatan luar yang berisiko tinggi dari segi keselamatan. **Ibu bapa perlu memastikan anak mereka benar-benar bersedia dari segi mental dan fizikal, menggunakan khidmat penunjuk arah profesional dan menyediakan peralatan mendaki yang mencukupi.** Begitu juga dengan golongan warga emas yang memerlukan mereka membuat persediaan rapi ketika melakukan aktiviti berkenaan seperti membawa ubat-ubatan, tidak mendaki seorang diri dan memahami keadaan diri dari segi mental serta fizikal.

**NASKHAH PENTAKSIR  
SET 2**

**SOALAN**

1. Nyatakan salah satu aktiviti lasak yang terdapat di Malaysia.
2. Apakah persediaan-persediaan yang perlu dibuat sebelum mendaki?
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca sukan lasak kurang diminati?
4. Sebagai ibu bapa yang menggemari aktiviti lasak, apakah cara untuk menarik minat anak-anak untuk turut serta dalam aktiviti tersebut?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, punca-punca sukan lasak kurang diminati ialah
  - ibu bapa kurang memberi galakkan kepada anak-anak.
  - jadual harian yang padat – memberi tumpuan kepada akademik.
  - lebih menggemari permainan dalam talian.
4. Sebagai ibu bapa yang menggemari aktiviti lasak, cara untuk menarik minat anak-anak untuk turut serta dalam aktiviti tersebut ialah
  - mengajak anak-anak menyertai aktiviti sukan lasak.
  - menjadikan aktiviti sukan lasak sebagai masa bersama-sama keluarga
  - memberi galakkan kepada anak-anak menyertai sukan lasak.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 3

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### PERPADUAN



Sambutan ini merupakan usaha memperkuuh penyatupaduan masyarakat pelbagai kaum di samping memperkasa penghayatan Rukun Negara. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penganjuran tersebut adalah sebahagian daripada program *flagship* Kembara Perpaduan yang **merangkumi tiga kluster program** iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**. Sambutan Minggu Perpaduan berlangsung pada 20 hingga 28 Mei 2023 secara serentak di seluruh negara. Pelancaran sambutan tahun 2023 ini bertemakan ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’, telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Waterfront Kuching, Sarawak. Majlis turut dihadiri TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Premier of Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

**NASKHAH PENTAKSIR**  
**SET 3**

**SOALAN**

1. Mengapakan sambutan Minggu Perpaduan ini diadakan?
2. Nyatakan tiga kluster yang terdapat dalam program mercu Kembara Perpaduan.
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca negara kita dapat mengekalkan perpaduan?
4. Sebagai guru mata pelajaran Sejarah, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan murid-murid?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, punca-punca negara kita dapat mengekalkan perpaduan ialah
  - sikap saling menghormati antara kaum.
  - didikan ibu bapa sejak kecil.
  - kebebasan mengamalkan budaya dan adat resam.
  - kepatuhan kepada Rukun Negara.
4. Sebagai guru mata pelajaran Sejarah, langkah-langkah untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan murid-murid ialah
  - menganjurkan pertandingan bertemakan perpaduan.
  - membugarkan kembali program RIMUP (Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan).
  - membuat kajian keistimewaan kehidupan, budaya, makanan dan sebagainya berkaitan masyarakat berbilang kaum.
  - membuat sesi temu ramah antara masyarakat berbilang kaum.
  - membuat aktiviti melibatkan pelbagai kaum.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 4

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### KECICIRAN MURID



**PUTRAJAYA – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus menekankan usaha untuk menangani isu keciciran murid menerusi pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan.** Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan berkata, setiap warganegara ini berhak mendapat akses pendidikan berkualiti tanpa latar belakang.

Menurut beliau, Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan satu inisiatif antara KPM bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Menurutnya lagi, kementerian juga turut bekerjasama dengan Jabatan Penjara untuk menyediakan peluang pendidikan akademik yang dikenali sebagai Pendidikan Korektif bagi penghuni yang berminat untuk meneruskan pembelajaran.

**Antara mata pelajaran yang diajar di kelas SDH ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.** Kelas dijalankan pada waktu pagi dan petang iaitu dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan kelas petang bermula pada pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang.

**NASKHAH PENTAKSIR**  
**SET 4**

**SOALAN**

1. Nyatakan pihak yang menekankan usaha untuk menangani isu keciciran murid.
2. Apakah mata pelajaran yang diajarkan di Sekolah Dalam Hospital?
3. Pada pendapat anda, apakah kelebihan sekiranya seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan?
4. Sebagai ibu bapa, apakah tindakan yang boleh dilakukan bagi memastikan anak-anak tidak keciciran dalam pelajaran?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, kelebihan sekiranya seseorang itu berilmu ialah
  - meningkatkan darjah kerana dipandang tinggi.
  - sukar untuk ditipu oleh musuh.
  - membantu orang di sekeliling yang dalam kesusahan.
  - menjadi pakar rujuk.
4. Sebagai ibu bapa, tindakan yang boleh dilakukan bagi memastikan anak-anak tidak keciciran dalam pelajaran ialah
  - memastikan anak-anak hadir ke sekolah setiap hari.
  - mengawasi sewaktu anak membuat ulang kaji.
  - mengehadkan waktu bermain / penggunaan telefon bimbit.
  - sering berhubung dengan guru untuk mengetahui prestasi / perkembangan anak-anak.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 5

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### UDANG GALAH



Udang galah atau nama saintifiknya *macrobrachium rosanbergi* merupakan hidupan air tawar yang sangat sensitif pada waktu malam. **Udang galah kebiasaannya hidup di sungai, saliran, tasik dan muara sungai.** Udang galah amat digemari kerana isinya yang enak berbanding jenis udang lain. Hal ini menyebabkan harga udang galah boleh mencecah sehingga 40 ringgit sekilogram. Malahan ramai penternak telah menukarkan ternakan kepada udang galah kerana pasarnya yang tinggi.

Penternakan udang di Malaysia sebenarnya belum setanding dengan **negara Thailand, Vietnam dan Taiwan.** Aspek yang perlu diambil kira sebelum memulakan ternakan udang galah ialah saiz kolam kerana kolam yang sempit akan mempengaruhi saiz udang. Selain itu, kolam perlu terdedah kepada cahaya matahari untuk membunuh pemangsa yang ada di dalam kolam seperti ikan dan belut.

## **NASKHAH PENTAKSIR SET 5**

### **SOALAN**

1. Di manakah udang galah kebiasaannya hidup?
2. Nyatakan nama negara yang telah maju dalam bidang ternakan udang galah?
3. Pada pendapat anda, mengapakah golongan muda tidak berminat untuk menceburi bidang pertanian?
4. Sebagai Pegawai Jabatan Pertanian, jelaskan usaha yang boleh dilakukan untuk memajukan bidang pertanian.

### **JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, golongan muda tidak berminat untuk menceburi bidang pertanian kerana
  - pulangan hasil yang tidak menentu – tanaman mati, serangan serangga perosak.
  - risiko bencana alam – banjir, kemarau.
  - tidak sanggup bekerja di bawah panas matahari, hari hujan, bau busuk, berpeluh dan rimas.
  - lebih memilih bekerja di bilik berhawa dingin, selesa, dan tiada risiko rugi kerana hanya makan gaji.
  - tarikan gaya hidup di bandar berbanding hidup di kampung – bandar raya dilengkungi kehidupan moden.
4. Sebagai Pegawai Jabatan Pertanian, usaha yang boleh dilakukan untuk memajukan bidang pertanian ialah
  - mengubah kaedah pertanian menggunakan teknologi terkini.
  - memberi bantuan insentif dan bengkel kemahiran.
  - menggalakkan pengguna membeli produk tani tempatan.
  - membuka kawasan pertanian baru.
  - menawarkan sistem pemasaran tanpa orang tengah.
  - menganjurkan pameran pertanian tempatan di luar negara.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 6

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### MAKANAN SELAMAT



Kementerian Kesihatan (KKM) memandang serius isu lambakan dan status keselamatan makanan disumbangkan ke rumah kebajikan serta pusat tafhib yang boleh menyebabkan kejadian keracunan makanan. **KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM)** sentiasa memperkasa kawalan pencegahan keracunan makanan di setiap peringkat rantaian makanan. Antaranya adalah dengan membangunkan Garis Panduan Keselamatan Makanan Bank Makanan (*Food Bank*) yang menyediakan panduan bagi penyediaan makanan yang selamat dan berkualiti untuk tujuan sumbangan. Penderma makanan harus memastikan makanan disediakan selamat dimakan dan meletakkan maklumat seperti tarikh, masa makanan siap dimasak, masa akhir perlu dimakan atau tarikh luput makanan sebelum dimakan dan mesej keselamatan makanan supaya **makanan tersebut dimakan dengan kadar segera dalam tempoh empat jam selepas disediakan.**

**NASKHAH PENTAKSIR**  
**SET 6**

**SOALAN**

1. Nyatakan nama program KKM untuk memperkasakan kawalan pencegahan keracunan makanan.
2. Nyatakan tempoh selamat bagi setiap makanan yang telah disediakan untuk dimakan.
3. Pada pendapat anda, apakah kesan keracunan makanan?
4. Sebagai seorang peniaga makanan, bagaimanakah cara anda mengelakkan makanan tercemar?

**JAWAPAN**

3. Antara kesan keracunan makanan adalah mengalami loya, muntah, sakit perut, cirit-birit serta hilang selera makan.
4. Sebagai seorang peniaga makanan, cara saya memastikan makanan tidak tercemar adalah sentiasa
  - membeli barang mentah baru / segar daripada pembekal.
  - memasak makanan dengan betul.
  - memastikan proses penyediaan makanan sentiasa bersih.
  - sentiasa menutup makanan yang telah dimasak.

**NASKHAH PENTAKSIR  
SET 7**

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU  
(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

**KUIH TRADISIONAL**



**Kuih tradisional Malaysia ialah sebahagian elemen penting dalam kepelbagaian dan kekayaan warisan kulinari negara ini.** Terdiri daripada pelbagai jenis dan rasa, kuih-kuih ini tidak hanya memukau dengan keunikan bentuk dan tekstur bahkan menggambarkan warisan budaya yang kaya dan kelestarian tradisi. **Kuih Lapis diperbuat daripada santan, tepung beras dan gula.** Setiap lapisannya dimasak secara berasingan sehingga membentuk kuih yang berwarna-warni dan lembut. Seterusnya, kuih dalam terdiri daripada dua lapisan iaitu satu lapisan putih dan satu lapisan hijau. Kuih ini diperbuat daripada tepung beras, santan dan daun pandan. Kuih-muih ini merupakan beberapa contoh kuih tradisional yang popular di negara ini. Sememangnya Malaysia mempunyai banyak lagi variasi makanan tradisi lazat yang pastinya boleh diterokai oleh usahawan bagi memasarkan ke peringkat yang lebih tinggi.

**NASKHAH PENTAKSIR**  
**SET 7**

**SOALAN**

1. Apakah salah satu elemen yang menunjukkan kepelbagaian dan kekayaan warisan kulinari?
2. Berdasarkan petikan, apakah bahan-bahan untuk membuat kuih lapis?
3. Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat kepada remaja yang meminati mempelajari cara membuat kuih tradisional?
4. Bagaimanakah kuih tradisional boleh membantu menambah pendapatan seseorang?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, manfaat-manfaat kepada remaja yang meminati mempelajari cara membuat kuih tradisional ialah
  - menjadi sumber rujukan kepada pihak lain mempelajari cara membuat kuih tradisional.
  - menyambung warisan tradisi keluarga.
  - membantu menambah pendapatan keluarga.
  - menjadi usahawan muda.
  - mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku.
4. Kuih tradisional boleh membantu menambah pendapatan seseorang dengan
  - membuka perniagaan kecil-kecilan di sekitar kawasan perumahan / kampung / bandar / tempat kerja.
  - meluaskan pasaran jualan melalui platform media sosial seperti *TikTok*, *Instagram* atau *Facebook*.
  - menjadi tenaga pengajar kelas membuat kuih tradisional.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 8

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### JATI DIRI



Jati diri ialah unsur-unsur kehidupan yang mencerminkan identiti individu, masyarakat dan negara bangsa yang mempunyai karakter dan jiwa yang membentuk keutuhan diri. Jati diri sebahagian anak muda khususnya semakin menipis lantaran ditelan arus kemodenan, bahkan pengaruh Barat yang tiada sempadan sehingga ada yang tidak mengambil kisah erti kemerdekaan 31 Ogos 1957. Jadi, dalam memastikan jati diri rakyat Malaysia tidak terus terhakis, semangat cinta akan negara perlu sentiasa disemai dalam diri supaya semangat patriotik pejuang-pejuang kemerdekaan tidak luntur. Menurut Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, "Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapati, melainkan ialah dikehendaki untuk mendapatkannya iaitu pengorbanan yang sebenar pengorbanan."

**NASKHAH PENTAKSIR  
SET 8**

**SOALAN**

1. Apakah maksud jati diri?
2. Nyatakan punca jati diri anak muda semakin luntur?
3. Bagaimanakah cara menghormati nyanyian lagu Negaraku?
4. Sebagai warganegara yang baik, apakah cara meningkatkan patriotisme dalam diri?

**JAWAPAN**


3. Cara menghormati nyanyian lagu Negaraku adalah dengan
  - berdiri tegak dan tangan di sisi.
  - menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh semangat.
  - tidak berjalan / berlari / tidak berbual semasa nyanyian lagu Negaraku.
4. Sebagai warganegara yang baik, cara meningkatkan patriotisme dalam diri ialah
  - menyertai program kenegaraan.
  - melawat tempat bersejarah.
  - menghayati biografi pejuang negara / tokoh negara.

## NASKHAH PENTAKSIR SET 9

### BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

#### KARYA SASTERA



**Kepentingan mempelajari karya sastera yang paling ulung adalah supaya kita mengenali dan mencintai bahasa ibunda kita.** Ibarat kata pujangga, tak kenal maka tak cinta. Salah satu cara untuk mempelajari bahasa adalah dengan menelaah karya-karya sastera yang ditulis mengikut tahap penggunaan bahasa yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera bahasa Melayu khususnya terdiri daripada pelbagai jenis seperti penulisan novel, cerpen, sajak, syair dan juga puisi. Corak penulisan yang mempunyai format seperti ritma menjadikan karya sastera itu menarik dan indah untuk dibacakan. Keunikan ini menjadikan bahasa Melayu berbeza dengan bahasa lain dan kita boleh berasa bangga kerana mempunyai identiti tersendiri. **Pihak berkuasa hanya perlu memperbanyak karya sastera untuk bacaan umum supaya memupuk semangat cinta terhadap bahasa Melayu dalam kalangan orang awam.** Kecintaan terhadap bahasa kebangsaan kita akan terpupuk jika mempelajari karya sastera.

**NASKHAH PENTAKSIR  
SET 9**

**SOALAN**

1. Apakah kepentingan mempelajari karya sastera?
2. Bagaimanakah pihak berkuasa boleh memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan orang awam?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja mempelajari sastera?
4. Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan kembali sastera Melayu di negara kita?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, cara-cara yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja mempelajari sastera ialah
  - pusat sumber sekolah boleh memperbanyak buku sastera dan karya agung agar pelajar-pelajar berpeluang membacanya.
  - pusat sumber boleh mengadakan pertandingan mengulas novel, puisi dan pantun secara berkala.
  - ibu bapa pula boleh memberi pendedahan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi.
  - ibu bapa boleh menghadiahkan novel kepada anak-anak untuk menggalakkan mereka mempelajari sastera.
4. Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan kembali sastera Melayu di negara kita ialah
  - menghasilkan banyak karya seni dan penyiaran dalam bahasa Melayu.
  - menyertai acara antarabangsa berkaitan budaya dan sastera.
  - menganjurkan pertandingan dan anugerah sastera dengan lebih banyak dan berprestij.
  - mengetengahkan karya-karya Sasterawan Negara.
  - mewajibkan pembelajaran mata pelajaran Kesusteraan Melayu.

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU  
(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis.

**MANFAAT POHON BAMBU**



**Buluh atau bambu yang berusia dalam lingkungan empat hingga lima tahun sesuai untuk dijadikan perabot.** Pada peringkat ini, buluh telah matang dan sesuai untuk ditebang. Buluh yang berusia lebih daripada lima tahun tidak sesuai untuk dijadikan perabot kerana mudah pecah dan merekah. Buluh yang berusia di bawah usia empat tahun juga tidak sesuai dijadikan perabot kerana mudah mengecut. Sebelum dijadikan perabot, **buluh perlu diawet terlebih dahulu bagi menghindarkan masalah bubuk, kulat dan cendawan.** Buluh boleh diawet dengan menggunakan kaedah tradisional ataupun moden. Kaedah tradisional mengawet buluh adalah dengan merendam, mengasap dan merebus buluh yang hendak diawet. Kaedah mengawet buluh secara moden pula memerlukan bahan kimia tertentu.

**NASKHAH PENTAKSIR  
SET 10**

**SOALAN**

1. Berapakah usia buluh atau bambu yang sesuai dijadikan perabot?
2. Apakah yang perlu dilakukan sebelum buluh dijadikan perabot?
3. Pada pendapat anda, apakah produk yang sesuai dihasilkan menggunakan buluh?
4. Sebagai usahawan perabot berasaskan buluh, apakah punca-punca perabot berasaskan buluh semakin mendapat permintaan dalam kalangan masyarakat?

**JAWAPAN**

3. Pada pendapat saya, produk yang sesuai dihasilkan menggunakan buluh ialah
  - kerusi
  - meja
  - almari
  - penyeprit makanan
  - tabung
  - pencungkil gigi
  - peralatan muzik
4. Sebagai usahawan perabot berasaskan buluh, punca-punca perabot berasaskan buluh semakin mendapat permintaan dalam kalangan masyarakat ialah
  - keunikan produk yang dihasilkan daripada buluh menarik perhatian masyarakat.
  - perabot berasaskan buluh menjadi alternatif kepada perabot kayu yang telah sedia ada.
  - perabot berasaskan buluh tahan lasak dan boleh digunakan dalam jangka masa yang lama.
  - warnanya yang semulajadi menjadikan produk berasaskan buluh menjadi buruan peminat warna-warna neutral.
  - harga produk berasaskan buluh juga berpatutan.